

**WACANA ISU-ISU  
KONTEMPORARI FALSAFAH  
DAN  
PERADABAN**

Demi waktu dhuha,

Dan malam apabila ia sunyi-sepi -

(Bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik).

Dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya.

Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau reda - berpuas hati.

Bukankah dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan?

Dan didapatiNya engkau mencari-cari (jalan yang benar), lalu Ia memberikan hidayah petunjuk (dengan wahyu - Al-Quran)?

Dan didapatiNya engkau miskin, lalu Ia memberikan kekayaan?

Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya,

Adapun orang yang meminta (bantuan pimpinan) maka janganlah engkau tengking herdik;

Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepadaNya.

**WACANA ISU-ISU  
KONTEMPORARI FALSAFAH  
DAN  
PERADABAN**

**DR. NAWI @ MOHD NAWI ISMAIL  
DR. AZIZAH HUSSIN**

© Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak penulis terlebih dahulu.

**Cetakan Pertama :**  
2020

**ISBN : 978-983-2137-23-8**

Disemak Oleh :  
**Dato' Prof. Emeritus Dr. Hashim Yaacob**  
Mantan Naib Canselor, Universiti Malaya

**Dato' Haji Hashim Haji Ismail**  
Mantan Pensyarah UiTM, Machang, Kelantan

Bacaan Pruf Dan Aturhuruf Oleh :  
**Pn. Azimah binti Muhammad**

Diterbit Oleh :  
**Dian Darul Naim Sdn. Bhd.**  
P.O. Box 150. Lot. 890A, Jalan Tengku Ma'asum  
Pasir Hor, 15150, Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7653510

Dicetak Oleh :  
**Dian Darul Naim Sdn. Bhd.**  
P.O. Box 150. Lot. 890A, Jalan Tengku Ma'asum  
Pasir Hor, 15150, Kota Bharu, Kelantan.

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>AKIDAH ISLAMIAH ASAS PEMIKIRAN DAN PERADABAN UMMAH SARWAJAGAT</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail	1
<b>INSTITUSI ULAMA DALAM MEMPERTAHANKAN AKIDAH ISLAMIAH</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail dan Dr. Nur Syazwani binti Ismail	18
<b>PEMIKIRAN ISLAM KONTEMPORARI DARI PERSPEKTIF DR. MOHD KAMIL ABDUL MAJID</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail	26
<b>FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA DAN IMPAKNYA PADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail	40
<b>FALSAFAH PEMIKIRAN KEUSAHAWANAN ISLAM HUBUNGANNYA DENGAN KONSEP WAKAF</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail dan Dr. Anis Amira binti Ab. Rahman	58
<b>NILAI DAN ETIKA DALAM PERADABAN MANUSIA</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail, Dr. Azizah binti Hussin dan Mohd Zamri bin Ali	74
<b>RUKUN NEGARA MEMPERKUKUHKAN KESTABILAN NASIONAL</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail	91
<b>DIALOG PERADABAN DI MALAYSIA MEMBENTUK NEGARA BANGSA</b> - Dr. Nawawi @ Mohd Nawawi bin Ismail dan Dr. Zaleha binti Embong	98

## Pengenalan

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana buku Wacana Isu-Isu Kontemporari Falsafah dan Peradaban telah dapat diterbitkan, hasil kajian ilmiah untuk santapan ilmu kepada para pembaca dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah, universiti, masyarakat awam serta ilmuwan yang cintakan ilmu pengetahuan dalam usaha memperkasakan modal insan ke peringkat yang lebih cemerlang dan gemilang.

Kecemerlangan falsafah pemikiran Islam serta peradaban insaniah tidak pernah malap, justeru timbul fenomena menandakan pemikiran Islam dari kalangan intelektual muslim yang menyumbang kepada peranan mereka dalam wacana isu-isu kontemporari akidah, pemikiran falsafah dan peradaban insaniah yang berkaitan secara langsung dengan kehidupan umat sejagat dewasa ini.

Keistimewaan manusia adalah disebabkan oleh keindahan dan kesempurnaan kejadian yang Allah SWT berikan kepada mereka. Indah dari aspek kejadian fizikalnya yang dilengkapi dengan kekuatan spiritual yang membolehkan manusia berfikir dan memahami persoalan hidup dan kehidupan serta dapat membezakan antara yang baik dengan yang salah, antara yang hak dengan yang batil. Walau bagaimanapun disebalik keistimewaan dan keindahan itu, manusia dibebankan dengan tanggungjawab besar sebagai hamba dan sebagai khalifah di bumi. Sekiranya manusia dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanah ini dengan beriman dan beramal soleh bererti status kemanusiaan akan terus kekal dan mereka akan dianugerahi dengan kemuliaan yang hakiki, malah mampu menyumbang idea-idea yang strategik dalam pemerkasaan falsafah peradaban ummah.

Cabaran yang dihadapi oleh generasi hari ini memahami metodologi yang tepat kepada pemikiran yang luhur dan aplikasi kepada realiti kehidupan moden yang kompetitif dan kontemporari sifatnya. Al-Quran menamakan mereka yang meneliti ciptaan Allah SWT sebagai *ulul al-bab* iaitu orang yang sentiasa

mengingati Allah, berfikiran murni serta luhur merenung tanda-tanda kebesaranNya. Proses merenungi kebesaran Allah SWT dan berusaha mencari pengertian di sebalik tanda-tanda kebesaran dan keagunganNya itu, ada etikanya bagi mengelakkan salah laku dan salah tujuan. Prinsip asas etika ini akan meletakkan *ulul al-bab* pada landasan tauhid dan mengelak usaha yang dilaksanakan itu terkeluar dari skop hukum Allah, sama ada dari sudut tujuan atau metodologinya.

Semoga Allah SWT memberi taufik dan hidayahNya kepada kita dalam melaksanakan amalan baik yang diamanahkan olehNya.

**Dr. Nawi @ Mohd Nawi bin Ismail**

13 Muharram 1442

1 September 2020